



HALIBAH



ZAHARAH

# 'Air naik mendadak'

*Pengalaman banjir dua tahun lalu bantu mangsa*

**HULU BERNAM** - "Makcik terjaga sebab nak buang air kira-kira jam 3 pagi. Masa itu terdengar bunyi katak lalu tergerak hati nak buka pintu depan rumah dan terkejut melihat air naik mendadak," kata mangsa banjir, Halibah Ariffin, 54, ketika ditemui di Kampung Sungai Nilam semalam.

Halibah berkata, ketika itu hujan sudah reda setelah lebat semalaman namun, air naik

secara mendadak dipercayai datang dari hulu Sungai Bernam.

"Makcik kejutkan anak dan menantu kerana bimbang paras naik lebih tinggi.

"Tapi, sempatlah menyelamatkan barang-barang elektrik dan dapur daripada terkena air," katanya.

Menurutnya, kejadian itu berlaku hanya tiga bulan selepas longkang di belakang rumah-

nya dinaiktaraf.

Bagaimanapun, katanya pengalaman berdepan banjir dua tahun lalu dapat menyelamatkan keadaan terutama perabot rumah.

Berbeza dengan nasib warga emas, Zaharah Ibrahim, 62, yang tinggal bersendirian di Kampung Paya Lebar kerana dia tidak sempat menyelamatkan perabot dan barang-barang elektrik di dapur rumahnya.

Zaharah hanya menyedari keadaan itu ketika bangun jam 5 pagi untuk bersiap menunaikan solat Subuh.

"Makcik berseorangan sebab anak-anak bekerja di Kuala Lumpur.

"Tak sempatlah menyelamatkan perabot dan mesin basuh di tingkat bawah lagi pun makcik takutkan lintah," katanya yang mempunyai enam anak.